

Padah eksport asam keping tanpa permit sah



JOHOR BAHRU

Mahkamah Sesyen Johor Bahru menjatuhkan hukuman denda RM10,000 ke atas sebuah syarikat selepas didapati bersalah mengeksport asam keping ke Singapura tanpa permit sah.

Syarikat terbabit diwakili pengurusnya, Teoh Lim Heng membuat pengakuan itu di hadapan Hakim, Elesabet Payawan selepas pertuduhan dibacakan.

Mengikut kertas pertuduhan, kesalahan itu dilakukan jam 11 pagi di laluan eksport Kompleks Eksport Sultan Abu Bakar, Tanjung Kupang, Gelang Patah, di sini.

Berdasarkan fakta kes, pemeriksaan dijalankan oleh tiga pegawai Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) ke atas sebuah lori yang membawa muatan milik syarikat berkenaan.

Hasil pemeriksaan berjaya menemui 28 kotak berisi asam keping seberat 10 kilogram setiap kotak untuk dieksport ke Singapura tanpa mempunyai



Asam keping yang cuba di eksport tanpa permit sah.

permit sah daripada Maqis.

Syarikat berkenaan telah melakukan kesalahan menjalankan eksport tanpa permit sah dari Maqis mengikut Seksyen 11 (2) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (AKta 728) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11 (3) akta sama.

Berdasarkan pengakuan bersalah oleh wakil pengurusan syarikat berkenaan, hakim menjatuhkan denda RM10,000 dan jika gagal boleh dipenjara tiga bulan.

Pihak pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Maqis, Ismail Ahmad dan Siti Nur Ahmad manakala tertuduh tidak diwakili peguam.